

# Jauhi kesesatan ajaran Syiah

Undang bahaya, ancam perpaduan ummah dan keutuhan agama

**JANGAN sekali-kali**  
terjebak dengan fahaman  
atau ajaran yang boleh  
memesongkan akidah  
kita terhadap Islam.



## BERWASIAK KINI LEBIH MUDAH

Semua Dihujung Jari

Hanya dengan **RM300**  
anda kini boleh berwasiat dengan  
**eWasiat MAIS**



KOS EFEKTIF, MUDAH,  
BADAN YANG DIIKTIRAF

**G**ERAKAN Syiah yang masih lagi aktif agak membimbangkan terutama di Selangor. Perkara itu pernah disuarakan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerusi Pengurusnya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi kepada media awal tahun ini.

Masakan tidak, MAIS mengesahkan tambahan pusat kegiatan pengikut ajaran berkenaan di negeri tersebut, sedangkan, umum sedia maklum bahawa fahaman dan ajaran tersebut bercanggah dengan Islam.

Namun begitu, Syiah menjadi antara satu ajaran yang memiliki jumlah pengikut terbesar selepas Ahli Sunah Waljamaah meskipun jelas ia banyak menyimpang.

Menyori historiografi tentang Syiah, ia lahir daripada rasa ketidakpuasan sebahagian umat Islam dengan kepimpinan selepas kewafatan Rasulullah SAW. Golongan itu mendakwa, kepimpinan berkenaan bukanlah milik Saidina Abu Bakar, Umar Al Khattab dan Uthman Affan RA, tetapi ia dipegang keturunan Nabi Muhammad SAW iaitu Saidina Ali bin Abi Thalib RA.

Dalam erti kata lain, Syiah bermaksud sesiapa sahaja yang menyatakan bahawa Ali bin Abu Thalib yang juga sepupu dan menantu Rasulullah SAW ialah orang yang paling utama dan berhak memimpin serta mengantikan baginda. Pada hemat golongan itu, Ali lebih layak jika dibandingkan dengan sahabat nabi yang lainnya.

Sesungguhnya, ajaran dan fahaman Syiah sangat bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Malah ia menjadi suatu ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara. Ini kerana penyelewengan yang berlaku dalam ajaran Syiah bukan hanya melibatkan akidah sahaja, tetapi meliputi sudut syariat dan beberapa penyelewengan lain yang bersifat umum.

### Fatwa fahaman Syiah

Fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Selangor berkenaan fahaman Syiah yang telah diwartakan pada 24 September 1998 telah menjelaskan berkenaan dengan kesesatan ajaran syiah sebagaimana berikut:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual:

- 1** Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunah Waljamaah.
- 2** Fahaman dan ajaran itu perlu disekat keseluruhannya. Terdapat beberapa percanggahan dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.

### (a) Penyelewengan dari sudut akidah:

- Imam adalah maksum.
- Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan.
- Berpura-pura (at-Taqiyyah).
- Saidina Ali RA disama tarafkan dengan ALLAH SWT.
- Menghalalkan nikah mut’ah.
- Khalifah diwasiatkan secara nas.
- Ilmu ALLAH SWT berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia.
- Muhammad bin Hasan Al-’Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar.
- Mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW.
- Menambah syahadah dengan memasukkan perkataan Saidina Ali RA sebagai khalifah Islam yang sebenar.
- Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunah Waljamaah sekalipun hadis mutawatir.

### (b) Penyelewengan dari sudut syariat:

- Menolak ijmak ulama.
- Menolak qias.
- Mengamalkan nikah mut’ah.
- Menolak ‘Aul dan mendahulukan Qurabah dari ‘Asobah dalam masalah pusaka.
- Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu’awiyah sebagai empat berhala Quraisy dan pengikut-pengikutnya adalah musuh ALLAH SWT.
- Hanya Saidina Ali RA yang menghimpunkan al-Quran dengan sempurna.

### (c) Pelbagai penyelewengan umum:

- (i) Ganjaran syurga bagi sesiapa yang menziarahi kubur Saidina Hussain RA.
- (ii) Menyeksa tubuh badan sempena sambutan 10 Muharam.
- (iii) Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Rasulullah SAW iaitu Saidatina A’isyah dan Hafsa.
- (iv) Mengharuskan jamak solat dalam semua keadaan.
- (v) Solat dhuha adalah haram.
- (vi) Menetapkan prinsip khumus sebagai kadar zakat.
- (vii) Imamah dan khalifah daripada rujuk Islam dan ia berlaku melalui nas.
- (viii) Islam bukan syarat wajib haji.
- (ix) Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.

**3** Oleh itu, mana-mana orang Islam adalah dilarang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman tersebut kerana bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Larangan itu meliputi:

- (a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan dan berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah kecuali untuk amalan individu itu sendiri; atau
- (b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk versi, variasi atau terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau
- (c) Untuk menjadi anggota atau pemimpin mana-mana golongan Syiah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.

Semoga kita semua diajukan oleh ALLAH SWT daripada kesesatan dan kebatilan ajaran Syiah.

Firman ALLAH SWT: "Wahai Tuhan kami! Janganlah ENGKAU memesongkan hati kami sesudah ENGKAU beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-MU; sesungguhnya ENGKAU jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-NYA..." (Surah Ali 'Imran, ayat 8)

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



MAISgovmy